

PENDIRIAN SYARIAH TERHADAP PENGGUNAAN WANG KERTAS (*FIAT MONEY*)

Disediakan Oleh:
Haji Mohd Nazri Chik¹
Bank Islam Malaysia Berhad

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENDAHULUAN

Perbincangan tentang wang kertas (*fiat money*) adalah makin memuncak terutamanya selepas krisis kewangan 1997/1998. Majoriti pihak bersetuju bahawa sistem monetari semasa telah mencetuskan ketidakstabilan dan banyak ketidakadilan terutamanya kepada ekonomi negara-negara membangun. Ramai yang menunjukkan punca kepada kegagalan sistem monetari dunia terutamanya selepas pembatalan perakuan sandaran matawang kepada emas (*gold backed paper money*) dalam Bretton Woods Conference 1944 oleh Amerika Syarikat pada tahun 1971, di mana wang kertas mula dikeluarkan mengikut polisi monetari negara masing-masing tanpa disandarkan kepada emas.

Bertitik-tolak daripada itu, kertas ini bertujuan untuk mengemukakan cadangan hukum penggunaan wang kertas berasaskan sumber-sumber Syariah dan pengalaman penulis dalam industri perbankan Islam di peringkat nasional dan global.

DEFINISI WANG DAN FUNGSI-FUNGSI UTAMANYA

The New Palgrave Dictionary of Economics mendefinisikan wang sebagai:

“Any object or record, that is generally accepted as payment for goods and services and repayment of debts in a given country or socio-economic contexts.”²

Oleh itu, apa juga yang memenuhi makna definisi di atas adalah diterima sebagai wang. Secara umumnya ahli-ahli ekonomi menjelaskan bahawa wang memiliki tiga fungsi utama iaitu:

¹ Mohd Nazri Chik berkelulusan Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul Fiqh) dan Sarjana Syariah daripada Universiti Malaya. Bertugas sebagai Penolong Pengurus Besar, Syariah, Bank Islam. Pernah bertugas sebagai Pengurus Audit Syariah di Noor Investment Group, Dubai, UAE dan pengajar di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Institut Teknologi Ibnu Sina. Pada masa ini diamanahkan sebagai Ahli Majlis Pengawasan Syariah, Amana Bank Limited, Sri Lanka. **Nota:** Tulisan ini adalah pendapat peribadi penulis dan bukan pandangan rasmi Bank Islam.

² <http://www.dictionaryofeconomics.com/article> pada 5 Mei 2011.

1. Alat pertukaran (*medium of exchange*) iaitu perantara bagi jual beli barang dan perkhidmatan. Ini dapat mengelakkan sistem barter yang tidak cekap.
2. Penyimpan nilai (*store of value*) iaitu wang boleh disimpan dan diguna kembali sebagai *medium of exchange*. Nilai wang “sepatutnya” mesti stabil pada sepanjang masa seperti boleh dicapai dalam wang komoditi.³
3. Unit kira-kira (*unit of account*) untuk menentukan nilai sesuatu.

SEJARAH PEMBENTUKAN WANG

Sistem wang dalam sejarah ketamadunan manusia berkembang mengikut kronologi di bawah:

1. Sistem Barter

Sistem ini wujud pada pra zaman wang dan dikatakan telah dipraktikkan sejak 100,000 tahun yang lalu. Sistem ini dioperasikan dalam situasi penuh kesulitan kerana perlu mencari kedua-dua pihak yang ada saling keperluan yang membolehkan pertukaran barang dilakukan.

2. Wang Komoditi (*Commodity Money*)

Banyak tamadun secara beransur-ansur berubah kepada sistem wang komoditi termasuk iaitu komoditi yang bernilai (*precious metals*) seperti emas dan perak, kulit kupang, gandum, barli, garam, tamar, manik dan lain-lain. Secara umumnya, penggunaan wang komoditi adalah sama dengan barter, kecuali wang komoditi lebih ringkas dan menyediakan unit kira-kira (*unit of account*) yang membantu pertukaran (*medium of exchange*).

Penggunaan wang komoditi ini diiktiraf oleh Rasulullah SAW dan menjadi asas hukum matawang dalam Islam seperti hadith Baginda yang diriwayatkan oleh Ubadah bin al-Samit RA:

الذهب بالذهب والفضة بالفضة والبر بالبر والشعير بالشعير والتمر بالتمر والملح
بالمح مثلاً بمثل سواء بسواء يداً بيد فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم إذا
كان يداً بيد

³ Ini adalah antara faktor tuntutan kepada dinar dan dirham terutamanya selepas krisis ekonomi 1997/1998, kerana wang fiat telah kehilangan salah satu fungsi wang iaitu gagal berfungsi sebagai penyimpan nilai (*store of value*) disebabkan oleh inflasi.

3. Wang Perwakilan (*Representative Money*)

Keterbatasan jumlah komoditi, keperluan kepada nilai kecil matawang serta faktor keselamatan mengubah sistem wang komoditi kepada sistem wang perwakilan (*representative money*). Ini berlaku apabila bank (kebiasannya bank pusat) mengeluarkan resit yang diterima sebagai kaedah pembayaran atau wang. Dalam maksud ini, dalam sistem monetari moden, ia dipanggil M1, M2 dan M3 mengikut kadar kecairannya (M1 paling mudah dicairkan dan M3 paling susah dicairkan).

Wang kertas dikenalpasti mula diperkenalkan di China ketika Dinasti Song (kurun ke-7) yang dikenali sebagai “jiaozi.” Wang kertas ini digunakan seiring dengan wang komoditi dan tidaklah membatalkan terus wang komoditi. Di Eropah, Stockholms Banco memperkenalkan wang kertas dan syiling pada tahun 1661. Sistem monetari ketika itu disandarkan kepada emas dan menjelang kurun ke 20, semua negara menggunakan sistem bahawa wang kertas yang sah diperlakukan (*legal tender*) disandarkan kepada emas.

Selepas Perang Dunia ke-2 iaitu berikutan Bretton Woods Conference yang membincangkan kaedah membangunkan semula ekonomi dunia pada tahun 1944, kebanyakan negara menerima wang kertas yang diikat kepada USD, yang kemudiannya disandarkan kepada emas (*gold backed paper money*). USD 1.00 telah diikat kepada 1/35 *troy ounce* (888.671 miligram emas). Ketika ini, pemegang wang kertas (bukan warganegara USA) boleh pergi ke Federal Reserve (bank pusat USA) dan menukarkannya dengan emas yang senilai dengan wang kertas tersebut.

4. Wang Fiat/ Wang Kertas (*Fiat Money*)

Walaubagaimanapun pada tahun 1971, USA di bawah Presiden Richard M. Nixon⁴ membatalkan sistem yang dipraktikkan sejak Bretton Woods Conference dengan menggantung penukaran USD kepada emas. USA mula mempraktikkan *fractional reserve system* dengan mencetak USD yang lebih banyak daripada nilai emas fizikal yang dimilikinya.⁵ Berikutan itu, banyak negara tidak lagi mengikat (*de-pegged*) matawang mereka kepada USD dan hampir keseluruhan sistem monetari negara-negara diasaskan kepada wang fiat. Wang fiat ini tidak memiliki nilai pada asasnya (*intrinsic value*), tetapi mendapat nilainya melalui arahan kerajaan (*fiat*) supaya sah diperlakukan (*legal tender*) mengikut polisi dan sistem monetari negara tertentu.

⁴ Presiden Richard M. Nixon ialah Presiden ke-37 USA, memegang jawatan tersebut pada 20 Januari 1969 sehingga 9 Ogos 1974.

⁵ Antara faktor mendorong kepada polisi ini ialah keperluan USA untuk mencetak lebih wang untuk membiayai kos ketenteraan dalam Perang Vietnam.

Kelebihannya, berbeza dengan wang komoditi (*commodity money*) yang tidak dipulihkan kembali apabila hilang atau rosak, wang kertas boleh diganti dengan syarat-syarat tertentu. Contohnya, wang RM100 yang rosak boleh diganti oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan not RM100 baru.

WANG KERTAS/ WANG FIAT DAN POLISI DAN SISTEM MONETARI

Investopedia mendefinisikan wang fiat sebagai: “*Currency that a government has declared to be legal tender, despite the fact that it has no intrinsic value and is not backed by reserves. Historically, most currencies were based on physical commodities such as gold or silver, but fiat money is based solely on faith.*”⁶ Jelas bahawa wang kertas memperoleh nilainya dengan arahan kerajaan (*fiat*). Kawalan wang kertas dalam pasaran diuruskan kerajaan mengikut polisi dan sistem monetari negara tersebut, termasuklah dengan cara-cara berikut:⁷

1. Penukaran kadar *interest* di mana bank pusat meminjam atau memberi pinjam kepada bank-bank komersial. Contohnya, Jawatankuasa Polisi Monetari (*Monetary Policy Committee*) BNM, pada tarikh kertas ini ditulis, 5 Mei 2011 memutuskan untuk meningkatkan *Overnight Policy Rate* (OPR) sebanyak 25 kadar asas kepada 3.00 persen.⁸
2. Pembelian dan penjualan matawang.
3. Peningkatan atau pengurangan pinjaman kerajaan.
4. Peningkatan atau pengurangan perbelanjaan kerajaan.
5. Manipulasi kadar tukaran matawang (*exchange rates*). Contohnya Perdana Menteri Tun Dr Mahathir mengarahkan RM diikat kepada USD untuk tempoh beberapa tahun bagi mengatasi krisis ekonomi yang dikatakan berpunca daripada manipulasi matawang oleh George Soros.⁹
6. Peningkatan atau pengurangan keperluan rizab bank (*bank reserve requirements*). Sistem ini membenarkan Bank menyimpan sebahagian daripada deposit yang diterima daripada pendeposit sebagai rizab wajib dan meminjamkan bakinya kepada peminjam untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Kadar rizab ini boleh diubah-ubah oleh bank pusat dari semasa ke semasa. Rujuk ilustrasi dalam Lampiran 1.

⁶ <http://www.investopedia.com/terms/f/fiatmoney.asp> pada 5 Mei 2011.

⁷ Sebaliknya pengeluaran matawang komoditi emas (Dinar) umpamanya hanya boleh ditingkatkan apabila tawaran komoditi emas meningkat iaitu melalui perlombongan. Secara teknikal, harga emas juga berubah-ubah mengikut kadar penawarannya dan juga tertakluk kepada inflasi, namun kedudukannya dalam menyimpan nilai (*store of value*) adalah lebih baik dan tidak terdedah kepada “manipulasi” seperti wang kertas.

⁸ Rujuk *Monetary Policy Statement* rujukan 05/11/02 yang dikeluarkan pada 1800 jam 5 Mei 2011.

⁹ Mahathir Mohamad (2011), *A Doctor in the House – The Memoirs of Tun Dr Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn Bhd, ms 664-683.

Kegagalan sistem monetari inilah yang akan menyebabkan kesan buruk ekonomi seperti inflasi dan inflasi melampau (*hyperinflation*), kemerosotan ekonomi, peningkatan kadar pengangguran, kekurangan barangan import, ketidakmampuan mengeksport barang dan lain-lain.

Kesan Buruk Sistem Monetari Berasaskan Wang Kertas/ Wang Fiat

Keburukan sistem monetari termasuklah penciptaan wang kertas fiat sebegini telah menjadikan negara-negara dan individu-individu yang kaya makin bertambah kaya, tidak seimbang dengan usaha mereka; dan demikian jugalah sebaliknya berlaku kepada negara-negara individu-individu miskin. Gambaran ini boleh dilihat dari UNDP Human Development Report 1998 dan 1999 seperti berikut:

1. *Globally, the richest 20% people consume 58% of all energy, while the poorest 20% get to use only 4% of the global energy output.*
2. *87% of the vehicles are owned by the richest 20% of the world, while the poorest 20% own less than 1% of vehicles.*
3. *The richest 20% consume 84% of the paper, while the poorest 20% use 1.1%.*
4. *74% of telephone lines are for the richest 20%; the comparative figure for the poorest 20% is 1.5%.*
5. *The richest 20% consume about 45% of all meat and fish, while the poorest 20% consume just about 5% of the produce.*
6. *In all, 86% of the total private consumption expenditure is accounted by the richest 20% living in high-income countries, while the poorest 20% account for negligible 1.3%.*
7. *The 20% richest people living in the world's richest countries are beneficiaries of 82% of the global export trade, and 68% of FDIs; the bottom 20% get less than 1%*
8. *The gap between the rich and the poor countries has widened. In 1913, the top 20% had 13-times more income than the bottom 20%; in 1960 this had grown to 30-times, and in 1997, this proportion had become 74-times.¹⁰ (In 2011, the gap had grown to 267 times).*

HUKUM WANG KERTAS

Secara umumnya, terdapat dua pendapat utama para fuqaha' tentang hukum wang iaitu:

1. Pendapat yang mengkhususkan wang hanya kepada wang komoditi terutamanya emas dan perak.
2. Pendapat yang tidak mengkhususkan wang hanya kepada wang komoditi terutamanya emas dan perak. Ini termasuklah wang kertas.

Pendapat *fuqaha' salaf* tentang perkara ini adalah dilatarkan kepada sistem monetari pada zaman mereka iaitu wang yang teredar dalam pasaran adalah berasaskan emas (dinar) dan perak (dirham) serta *fulus* yang berasaskan tembaga. Sheikhu Islam Ibnu Taimiyyah (m. 728H) dan muridnya Ibnu

¹⁰ Rujuk <http://hdr.undp.org/en/reports/global/hdr1998/> dan <http://hdr.undp.org/en/reports/global/hdr1999/> pada 5 Mei 2011.

al-Qayyim (m. 751H) mengiktiraf *fulus* sebagai wang sampingan untuk membantu transaksi yang bersifat kecil-kecilan khususnya. Ibnu Taymiyyah memberikan pertimbangan berikut:

“The authority should mint the *fulus* coins (other than gold and silver) according to the just value of people’s transactions, without any injustice to them.”¹¹

Walau bagaimanapun, perkembangan kegiatan ekonomi dan peredaran dan penggunaan *fulus* tembaga yang meluas dalam pasaran telah menyebabkan masalah krisis ekonomi di Mesir pada akhir zaman kerajaan Mamluk.¹² Kesan negatif ini menyebabkan ahli sosiologi Islam, Ibnu Khaldun (m. 808H), yang hidup pada zaman ini memberi pendapat bertentangan dengan Ibnu Taymiyyah dengan merumuskan bahawa wang sepatutnya ialah emas dan perak sahaja. Beliau memetik kata-kata Ibnu Sina dalam karyanya *al-Muqaddimah*¹³:

و ما ذكره ابن سينا بمعزل عن ذلك و له وجه آخر في الاستحالة من جهة غايته .
وذلك أن حكمة الله في الحجرين و ندورهما أنهما قيم لمكاسب الناس و متمولاتهم .
فلو حصل عليهما بالصنعة لبطلت حكمة الله في ذلك و كثر وجودهما حتى لا يحصل
أحد من اقتنائهما على شيء .

Pendapat Yang Mengkhususkan Wang Hanya Kepada Emas dan Perak

Kumpulan *fuqaha’ salaf* dalam pendapat ini adalah Abu Hanifah dan muridnya Abu Yusuf, Ibnu Nafi’ dari mazhab Maliki, Imam al-Ghazzali, al-Nawawi dan al-Suyuti dari mazhab Syafie. Pendapat ini juga disokong oleh fuqaha’ kontemporari seperti Taqiyuddin al-Nabhani, Muhammad Baqir al-Sadr, Hassan Ayyub dan lain-lain. Oleh itu pada mereka, hukum riba seperti disebut dalam hadith Ubadah bin al-Samit itu hanya terpakai kepada emas dan perak sahaja.

Hujah-hujah yang menyokong pendapat ini boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Fakta bahawa Rasulullah SAW menggunakan emas dan perak sebagai wang di Makkah dan Madinah (*sunnah taqiririyah*). Ini pada pendapat mereka menjadikan penggunaan emas dan perak

¹¹ Kenyataannya seperti direkod dalam *Majmu’ Fatawa* dan dipetik oleh Muhammad Aslam Haneef & Emad Rafiq Barakat (2006), “Must Money Be Limited to Only Gold and Silver?” in *JKAU: Islamic Economics*, Vol. 19, No 1, ms. 23.

¹² John L. Meloy (2001), “Copper Money in Late Mamluk Cairo: Chaos or Control?” in *Journal of Economic and Social History of the Orient*, Vol. 44, No. 3 , ms 44.3

¹³ Lihat Muqaddimah Ibnu Khaldun, Jilid 6 http://ar.wikisource.org/wiki/%D9%85%D9%82%D8%AF%D9%85%D8%A9_%D8%A7%D8%A8%D9%86_%D8%AE%D9%84%D8%AF%D9%88%D9%86_-_%D8%A7%D9%84%D8%AC%D8%B2%D8%A1_%D8%A7%D9%84%D8%B3%D8%A7%D8%AF%D8%B3 pada 5 Mei 2011.

sebagai wang sebagai satu hukum syarak. Ini disokong pula oleh *ijma' sahabah* khususnya *khulafa' al-rasyidun* dengan terus melaksanakan wang emas dan perak.

2. Banyak hukum ibadah dan muamalah disandarkan kepada emas dan perak seperti pengiraan zakat kepada wang, pengenaan *diyat* dan hukuman had jenayah mencuri.
3. Banyak ayat al-Quran yang menggambarkan bahawa emas atau perak menjalankan fungsi-fungsi wang seperti berikut:

فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ
بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا (١٩)

Sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapa pun menyedari akan hal kamu. (Surah al-Kahf: Ayat 19)

وَشَرَوْهُ بِثَمَنٍ بَخْسٍ دَرَاهِمَ مَعْدُودَةٍ وَكَانُوا فِيهِ مِنَ الزَّاهِدِينَ (٢٠)

Dan (setelah berlaku perundingan) mereka menjualnya dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya; dan mereka adalah orang-orang yang tidak mengahgarkannya. (Surah Yusuf: 20)

وَمِنَ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِن تَأْمَنَّهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدُّهُ إِيَّاكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِن تَأْمَنَّهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدُّهُ إِيَّاكَ إِلَّا مَا دُمَّتْ عَلَيْهِ
قَابِلًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيَّةِ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ (٧٥)

Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: "Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang Ummi dan, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta). (Surah Ali Imran: Ayat 71)

4. Rafiq al-Masri menghujahkan larangan Syariah kepada orang lelaki memakai emas sebagai perhiasan menunjukkan fungsi asasnya sebagai wang.¹⁴
5. Walaupun *fulus* digunakan pada zaman Rasulullah SAW dalam jumlah yang terhad, tetapi hadith larangan riba yang diaplikasikan kepada *fulus*.

¹⁴ Rafiq al-Masri (1987), *Lamhat 'an al-Nuqud fil Islam*, Jeddah: King Abdul Aziz University, ms 221.

Pendapat Yang Mengkhususkan Wang Selain Daripada Emas dan Perak Termasuk Wang Kertas

Kumpulan *fuqaha' salaf* dalam pendapat ini adalah Muhammad bin Hassan al-Shaibani al-Hanafi, beberapa *fuqaha' Syafi'iyah*, Ibnu Taymiyyah dan Ibnu Qayyim dari mazhab Hanbali dan lain-lain. Pendapat ini juga dipilih oleh kedua-dua Majma' Fiqh al-Islami al-Duwali (OIC) dan Majma' Fiqh al-Islami (Rabithah Alam Islami) serta *fuqaha'* kontemporari termasuklah Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi, Mufti Muhammad Taqi Usmani, Sheikh Abdullah Sulaiman al-Mane' dan lain-lain. Oleh itu pada mereka, hukum riba seperti disebut dalam hadith Ubadah bin al-Samit itu juga terpakai kepada apa sahaja yang diterima sebagai wang termasuk wang kertas (wang fiat).

Hujah-hujah yang menyokong pendapat ini boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Hujah *sunnah taqirriyyah* di atas ditolak oleh *fuqaha'* yang menerima wang selain emas dan perak bahawa hujah tersebut tidak sama sekali membataskan wang kepada emas dan perak sahaja.
2. Begitu juga dengan hujah *ijma' sahabah* kerana Khalifah Umar al-Khattab RA pernah ingin menggunakan kulit unta sebagai wang dan ia tidak dibangkang oleh para sahabat; walau bagaimanapun idea ini tidak dilaksanakan kerana nasihat para sahabat yang bimbangkan jumlah unta akan berkurangan. Ini menunjukkan bahawa wang tidak semestinya emas dan perak.
3. Soal wang adalah termasuk dalam polisi pemerintahan berasaskan kepada *al-masalih al-mursalah*.
4. Penerimaan kepada wang kertas seperti yang sedang dilaksanakan sekarang akan membantu pelaksanaan tuntutan agama yang lain seperti pembayaran zakat, mengelakkan riba dan lain-lain.

Berasaskan kepada kenyataan inilah, Majma' Fiqh al-Islami al-Duwali membuat resolusi berikut membenarkan penggunaan wang kertas:

قرار رقم: 21 (3/9) [1] بشأن أحكام النقود الورقية وتغير قيمة العملة

إن مجلس مجمع الفقه الإسلامي الدولي المنعقد في دورة مؤتمره الثالث بعمان
عاصمة المملكة الأردنية الهاشمية من 8-13 صفر 1407 هـ، الموافق 11 – 16
تشرين الأول (أكتوبر) 1986م،

بعد اطلاعه على البحوث الواردة إلى المجمع بخصوص موضوع أحكام النقود
الورقية وتغير قيمة العملة،

قرر ما يلي:

أولاً: بخصوص أحكام العملات الورقية: أنها نقود اعتبارية فيها صفة
التمنية كاملة ولها الأحكام الشرعية المقررة للذهب والفضة من حيث
أحكام الربا والزكاة والسلم وسائر أحكامهما.

ثانياً: بخصوص تغير قيمة العملة: تأجيل النظر في هذه المسألة حتى
تستوفي دراسة كل جوانبها لتتقرر في الدورة الرابعة للمجلس.

KESIMPULAN

Berasaskan kajian awal di atas, penulisan mencadangkan diterima pandangan fuqaha' yang membenarkan penggunaan wang kertas. Penentuan hukum wang kertas tidak boleh dipisahkan daripada hakikat sistem monetari semasa, sepertimana para fuqaha' terdahulu juga menjelaskan hukum wang dengan mengambilkira sistem monetari pada zaman mereka. Walau bagaimanapun, ini tidak menafikan usaha untuk memperkukuhkan matawang komoditi (*commodity money*) khususnya emas dan perak. Penghasilan wang komoditi pada skala kecil hanya memberi manfaat pada skala individu untuk menyimpan nilai wangnya dan di peringkat antarabangsa, ia memerlukan kemahuan politik (*political will*) untuk merubah artitektur kewangan antarabangsa.

والله أعلم بالصواب

5 Mei 2011
Wisma Bank Islam
Kuala Lumpur

LAMPIRAN 1 “Creation of Money” Berikutan “Fractional Reserve System” Sebagai Salah Satu Cara Pengurusan Dalam Sistem Dan Polisi Monetari

Bagaimana deposit asal RM 1000.00 boleh mencipta maksimum wang RM4,570.05 yang berlegar dalam sistem perbankan?

NAMA BANK	JUMLAH DEPOSIT DITERIMA PENDEPOSIT (RM)	JUMLAH REZAB (RM) Jika Rezab 20%	JUMLAH PINJAMAN DIBERIKAN KEPADA PEMINJAM (RM)
A	1,000.00	200.00	800.00
B	800.00	160.00	640.00
C	640.00	129.80	510.20
D	510.20	109.24	400.96
E	400.96	80.19	320.77
F	320.77	60.56	260.21
G	260.21	59.24	200.97
H	200.97	40.19	160.78
I	160.78	30.36	130.42
J	130.42	29.68	100.74
K	100.74		
JUMLAH BESAR	4,570.05	890.26	3570.05

Rujukan: Disesuaikan daripada Zaharuddin Abd Rahman (2010), *Riba dan Isu Kewangan Semasa*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, ms. 62